

SOLUSI

Panduan
Hidup
Bersyariat



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

10

OGOS 2008 - OGOS 2018

TAHUN PENERBITAN

Saat al-Quran
Mempesona
Musyrikin

Sahabat *sehingga* Syurga

MOTIVASI **118**
FARDU AIN

2018 • PP 15048/05/2013 (032162)

“Pengubat jerih
hidup manusia
adalah dua.
Pertama; iman
kepada Allah,
kedua; percaya
kepada sahabat.”
(BUYA HAMKA)



[PENDAKWAH NUSANTARA]

PENYAMBUNG LEGASI DAKWAH

PENCARIAN PENDAKWAH MUDA TERBAIK DITERUSKAN LAGI

SETIAP JUMAAT, 9:00 MALAM



#daITV3

Sebuah terbitan
Telaga Biru



MAJLAH INI MENGANDUNGI
AYAT SUCI AL-QURAN.
PELITARALAH KESUCIANNYA



Kalamullah
Datuk Dr. Hj.
Zahazan Mohamed
Padah Sembunyi Ilmu



Zikir Fikir
Azrul Azlan
Membina Semula
Nilai Persahabatan



ISSN 1985-5400



9 771985 540003



00113 >

RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD.



Membina Semula Nilai Persahabatan

Sahabat adalah cerminan diri. Memilih sahabat yang baik, sudah tentu kita juga terkena tempias kebaikannya. Begitu juga sebaliknya apabila memilih sahabat yang “belum mendapat hidayah”, kelakuannya akan turut jelas terpancar dalam diri kita.

Membina Persahabatan

Sahabat diperoleh melalui pelbagai cara. Ayuh sama-sama kita kembalikan nostalgia tentang pelbagai situasi sesebuah persahabatan itu bermula. Kebiasaannya kita bersahabat apabila:

1 Kebetulan

Hubungan seperti ini terjalin kerana pertemuan secara kebetulan seperti di dalam bas, restoran, masjid, hospital, pejabat pos, bank, majlis kenduri dan sebagainya.

2 Pernah bertemu

Ini adalah persahabatan yang terjalin kerana faktor sejarah. Mungkin mereka rakan ketika di bangku sekolah, universiti atau rakan sekampung.

3 Ada kepentingan

Persahabatan bagi kategori ini terjalin kerana faktor kepentingan tertentu seperti politik atau perniagaan.

4 Berkongsi kesukaan

Hubungan ini terjalin kerana faktor persamaan dan perkongsian aktiviti harian tertentu seperti hobi, sukan atau apa-apa sahaja aktiviti yang menjadi kesukaan bersama.

5 Sekerja

Persahabatan seperti ini terjalin apabila kita berkongsi pekerjaan yang sama dan bekerja di tempat yang sama.

6 Bertemu di media sosial

Kenal atau tidak, mereka sentiasa bersama-sama kita di alam maya. Kita berkongsi rasa, cerita dan berita. Kewujudan media sosial memudahkan kita mencari dan bersahabat semula dengan rakan-rakan yang pernah terpisah kerana masa dan tempat.

7 Musuh disangka sahabat

Mengenal pasti ‘wajah musuh’ di sebalik topeng ‘wajah sahabat’ yang berada di hadapan kita kadangkala agak susah. Mungkin kita tidak menyangka orang yang kita percayai selama ini adalah musuh di sebalik selimut. Di hadapan kita kelihatan baik, tetapi di belakang kita penuh dengan dengki, iri hati dan kebencian. Mereka pasti berasa gembira apabila melihat kita jatuh tersungkur.

Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud, “Kalau kamu beroleh kebaikan (kemakmuran dan kemenangan, maka yang demikian) menyakitkan hati mereka dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. Jika kamu sabar dan bertakwa, tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikit pun. Se-sungguhnya Allah meliputi pengetahuan-Nya akan apa-apa yang mereka lakukan.” (Surah Ali ‘Imran 3: 120)

8 Kerana Allah

Inilah persahabatan yang lahir tulus ikhlas dari dalam jiwa. Kita saling menyayangi kerana Allah, jadi kita tidak mengharapkan kelebihan yang ada pada sahabat. Ia jelas terpancar apabila kita saling menolong, menasihati apabila tersalah langkah, menutup aib ketika ada yang cuba menzahirkannya, memberi hadiah sebagai tanda persahabatan dan sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka.

Ya, persahabatan ini memang kerana Allah!

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud, "Pada hari itu sahabat-sahabat karib, setengahnya akan menjadi musuh kepada setengah yang lain, kecuali orang yang persahabatannya berdasarkan takwa." (*Surah al-Zukhruf* 43: 67)

Sahabat Susah dan Senang

Sahabat yang paling baik adalah apabila melihat wajahnya, kita akan teringatkan Allah, mendengar kata-katanya seperti menambahkan ilmu agama, melihat gerak-gerinya teringat akan kematian. Mungkin mudah memiliki sahabat, tetapi berapa ramai yang sanggup menangis dan ketawa bersama? Mungkin juga ramai yang menghurung kita apabila senang, tetapi terbang menghilang apabila kita dilanda musibah.

Betullah, persahabatan yang tidak jujur umpama meniti buih di lautan. Hamparan buih nan memutih, hanya indah di luaran, namun melewatinya bererti menuju kehancuran.

Sahabat Media Sosial

Sahabat kini tidak terbatas hanya kepada kenalan dalam kalangan mereka yang pernah bertemu secara bersemuka dengan kita. Konsep persahabatan kini sudah lebih terbuka. Ada yang mengenali kita tetapi hanya bertemu dan berkomunikasi di alam maya. Inilah jaringan persahabatan pada hari ini.

Komunikasi lebih tertumpu melalui *gadget* yang tidak pernah lekang dari diri kita. Ke mana sahaja kita pergi *gadget* tidak boleh ditinggalkan. Realiti dan hakikat yang perlu diterima oleh masyarakat pada abad ke-21.

Belitan Iblis Melalui Media Sosial

Walaupun kemunculan media sosial membawa banyak kebaikan, namun ia juga sebenarnya membunuh hubungan bersemuka yang selama ini merapatkan ukhuwah. Sedar atau tidak, iblis dan syaitan sentiasa memainkan peranan mereka untuk memecah-belahkan hubungan persahabatan.

Mungkin ada yang mengatakan: "Apa pula kaitan iblis dan syaitan dalam media sosial?" Mungkin kelihatan seperti tiada kaitan yang

jasas. Langkah iblis dan syaitan kelihatan samar. Hasutan mereka mungkin tidak melalui ancaman atau paksaan, tetapi melalui alur logik yang halus dan memperdaya.

Bagaimana belitan iblis bermula?

1 Apabila **tersebarnya berita dusta dan palsu** di laman media sosial. Maka di sini bermula **perbalahan kecil** melalui komen-komen yang diberikan tentang berita tersebut. Komen-komen yang hanya bertemankan emotikon tertentu kadangkala **tidak mampu menzahirkan emosi sebenar penulisnya**. Lalu kenyataan yang ditulis disalah anggap. Bermulalah perbalahan demi perbalahan. Inilah peranan iblis dan syaitan yang **menanam sangkaan buruk** kepada pembaca komen yang juga merupakan sahabat media sosial kita.

2 Apabila kita ditiupkan rasa bersemangat untuk menjawab setiap komen di laman media sosial. Lalu kita **terburu-buru memberikan komentar** tanpa berfikir panjang. Akibatnya, komentar yang celaru emosinya disalah erti. Terletuslah perang siber antara kita dengan rakan karib yang selama ini baik hubungannya. Di sini, iblis dan syaitan berjaya meniupkan api permusuhan untuk memadamkan angin persahabatan.

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya syaitan itu **sentiasa menghasut antara mereka** (yang beriman dan yang mententang); sesungguhnya syaitan itu musuh yang amat nyata bagi manusia." (*Surah al-Isra'* 17: 53)

ReSOLUSI

1 **Bersangka baik**
Sangkaan baik sangat penting dalam persahabatan. Ketika kita berhadapan dengan permainan iblis dan syaitan, kekuatan dalaman amat diperlukan bagi menzahirkan sangkaan yang baik.

2 **Disconnect to reconnect**
Kebiasaannya komunikasi di alam maya sangat terhad dan bersifat segera. Lalu komunikasi yang dihasilkan adalah 'kering' dan kurang emosi. Kadangkala kita perlu memutuskan seketika komunikasi secara maya untuk menyambung kembali komunikasi secara bersemuka. Tujuannya adalah untuk menyelaras kembali emosi persahabatan yang lahir daripada sentuhan, sapaan dan senyuman. Ia juga sangat penting agar nilai kepercayaan dan sangkaan baik dapat dipupuk semula. 📞



Kadangkala kita perlu memutuskan seketika komunikasi secara maya untuk menyambung kembali komunikasi secara bersemuka.



Azrul Azlan

Pemegang Ijazah
Kedoktoran bahasa Arab
dari University of Jordan.
Kini pensyarah di UIAM.
Merupakan penulis
Indahnya Hidup Bersyariat
terbitan Telaga Biru.
Hubungi beliau di
mohdazrulazlan@gmail.com